



**Siaran Media
Untuk Edaran
Segera**


**PUC Berhad Bekerjasama Dengan Dua Kerajaan Negeri Untuk Permohonan
Lesen Bank Digital**

Kuala Lumpur, 27 Julai 2021: Pada 1 Julai 2021, PUC mengumumkan permohonan lesen perbankan digital daripada Bank Negara Malaysia (BNM) bersama rakan strategiknya. PUC memimpin konsortium ini yang juga terdiri daripada Kerajaan Sabah, Kerajaan Pahang dan sebuah konglomerat.

Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Cheong Chia Chou berkata “PUC sangat berbesar hati kerana terpilih sebagai rakan kongsi strategik oleh kedua-dua negeri ini. Dengan penyertaan mereka, kami mempunyai pelanggan yang tersedia memandangkan populasi penduduk negeri Sabah dan Pahang secara kolektif merangkumi lebih kurang 20% daripada jumlah penduduk Malaysia. Ekosistem digital PUC telah memberikan konsortium kami keunggulan daya saing berbanding pesaing-pesaing bank digital yang lain dengan tawaran sedia ada kami yang merangkumi perkhidmatan teknologi kewangan (fintech), pemasaran e-dagang, serta pelbagai perkhidmatan digital.”

“Konsortium kami yakin bahawa terdapat sejumlah besar pelanggan dari segmen perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PKS) dan segmen rakyat B40 di Malaysia yang masih tidak mempunyai akses kepada perkhidmatan perbankan yang lebih khusus kepada keperluan kewangan mereka. Oleh itu, konsortium kami merancang untuk menyediakan aplikasi perbankan yang mesra pengguna yang dapat memenuhi keperluan kewangan dan pengalaman perbankan yang lebih baik bagi kumpulan sasar tersebut.”

“Kedudukan Sabah dan Pahang di tangga kedua dan ketiga di Malaysia dari segi peratusan rakyat B40 seperti yang tertera dalam diagram di bawah sangat relevan kepada permohonan perbankan digital kami. Rakyat B40 dan PKS di kedua-dua negeri ini akan diberi akses kepada saluran perbankan digital dengan produk yang merangkumi dompet mudah alih, simpanan pintar dan pinjaman mikro.”



Isi rumah luar bandar di negeri berbanding dengan isi rumah B40 di negeri – disenaraikan mengikut negeri (%)

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia (eStatistik)

YAB Dato 'Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail, Menteri Besar Pahang berkata:

"Saya yakin inisiatif ini akan menjadi asas penting Pelan Digital Negeri Pahang 2021 - 2025 bagi memenuhi matlamat kami untuk setiap warga negeri Pahang mempunyai akses perbankan digital dan lain-lain perkhidmatan melalui peranti mudah alih mereka sendiri. Bank digital juga akan berfungsi sebagai wadah untuk mendorong inovasi dan merangsang transformasi digital di kalangan PKS seperti yang dijangkakan dalam Dasar Industri Nasional 4.0 Kerajaan Persekutuan."

PUC Berhad merupakan sebuah syarikat yang tersenarai di Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Berhad. Melalui anak syarikatnya, ia mempunyai dua perniagaan teras, iaitu Omnichannel (terdiri dari Media dan Iklan) dan ekosistem digital yang dikenali sebagai Presto yang merangkumi e-commerce, agregasi e-setia, fintech dan e-pembayaran.

Presto adalah aplikasi gaya hidup multi-perkhidmatan tempatan pertama di Malaysia yang menawarkan pelbagai ciri-ciri mudah serta pembayaran mudah alih tanpa gangguan. Belanja dalam talian, pesan penghantaran makanan, tempah tiket filem kegemaran anda, acara, atau tiket penerbangan melalui Presto untuk

pengalaman digital yang lebih pantas serta memberikan pengalaman digital yang hebat.

Dikeluarkan oleh Fredericks Hussain bagi pihak PUC Berhad.

Pertanyaan media:

Loke Poh Lin

Mobile: 011-11642900

E-mail : Lin@FHmalaysia.com





Media Release For Immediate Circulation

PUC Berhad Partners With Two State Governments For Digital Bank Licence Bid


Kuala Lumpur, 27 July 2021: On 1 July 2021, PUC announced its application for a digital bank licence to Bank Negara Malaysia (BNM) together with its strategic partners. PUC is leading the consortium with the other members being the Sabah State Government, Pahang State Government and a conglomerate.

CEO Mr Cheong Chia Chou said “PUC is extremely honoured to have been selected as a strategic partner by these two states. With their participation, we have a sizeable ready customer base as Sabah and Pahang collectively account for approximately 20% of Malaysia’s population. PUC’s digital ecosystem has given our consortium a clear lead over the other digital bank contenders with our existing fintech, marketplace and service solutions.

“Our wholly-Malaysian consortium recognises that there is a sizeable under-served segment which includes micro, small and medium enterprises (MSMEs)

and B40 segment consumers in Malaysia and plans to provide a user-friendly banking app which meets the financial needs and enhance the banking experience of this target segment.

“Of particular relevance to our digital banking application is the fact that nationwide, Sabah and Pahang have the second and third highest B40 segments within their populations as shown in the diagram below. These presently under-served B40 and MSME segments within these two States will be given access to a digital banking network with planned products to include mobile wallet, smart savings and micro-loans”



Rural households in state against B40 share of households in state –by states in Malaysia (%)

Source : Department of Statistics Malaysia (eStatistik)

YAB Dato’ Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail, Chief Minister of Pahang said:

“I am confident this initiative will become a cornerstone of the Pahang State Digital Plan 2021 – 2025 as it will meet our goal for every person in Pahang to have access to digital banking and other services via their own mobile device. The digital bank will also serve as a platform to drive innovation and boost digital transformation amongst our MSME as envisaged under the National Policy on Industry 4.0 under the Federal Government.”

PUC Berhad is a company listed on the ACE Market of Bursa Malaysia Securities Berhad. Through its subsidiaries and affiliates, it has two core businesses, which are Omnichannel (comprising Media and Advertising) and a digital ecosystem known as Presto which encompasses e-commerce, e-loyalty aggregation, fintech and e-payment.

Presto is Malaysia’s first homegrown multi-service lifestyle app that offers various lifestyle and convenient features as well as hassle-free mobile payments. Shop online, order food delivery, book your favorite movie tickets, events, or even flight tickets via Presto for a faster, cooler and richer digital experience.

Issued by Fredericks Hussain on behalf of PUC Berhad.

Media Queries:

Loke Poh Lin

Mobile: 011-11642900

E-mail : Lin@FHmalaysia.com

